

03 AUG 1997

Pakistan-Nawaz

PAKISTAN HARAP JALINAN LEBIH RAPAT DENGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Pakistan berharap untuk menjalinkan hubungan lebih rapat dengan Malaysia berikutan lawatan amat berjaya Perdana Menteri Nawaz Sharif yang berlepas pulang hari ini.

Nawaz berkata lawatan itu memperkukuhkan hubungan rapat yang sedia ada antara kedua-dua negara. Lawatan ini yang pertama baginya ke negara-negara Asia Timur sejak dilantik semula sebagai Perdana Menteri selepas partinya Liga Muslim memenangi pilihan raya negara itu pada Februari lepas.

Katanya selain mengukuhkan hubungan ekonomi yang memberi faedah bersama, perbincangannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan sekali lagi "pandangan sama antara Pakistan dan Malaysia mengenai isu-isu berkepentingan bersama serantau dan global".

"Kami bersetuju untuk mengukuhkan hubungan dagang dua hala dan bagi mempromosikan usahasama di Pakistan dan negara-negara ketiga dengan menggunakan kemudahan pelengkap dan kelebihan yang ada di masing-masing negara," katanya dalam satu kenyataan sebelum berlepas pulang.

Dr Mahathir turut berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Nawaz selepas lawatan empat hari ke sini.

Nawaz berkata beliau gembira kerana kedua-dua negara bersetuju untuk mengadakan kerjasama pelbagai dimensi.

Beliau berharap para pelabur Malaysia akan menggunakan peluang-peluang yang ditawarkan oleh Pakistan dalam bentuk tenaga pekerja, sumber asli dan kedudukan strategiknya sebagai pintu masuk dan keluar bagi pasaran-pasaran serantau.

Katanya delegasinya dapat melihat dengan lebih dekat rancangan pembangunan Malaysia dan banyak mempelajari daripada pengalaman luas Malaysia semasa lawatan itu. -- BERNAMA

AZZ AHH